

27 JAN 2000

MAHATHIR-DAIM/I

MAHATHIR SIHAT DAN MASIH BERECUTI: DAIM

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin menyertai Timbalan Perdana Menteri Datuk Abdullah Ahmad Badawi dalam menangkis khabar-khabar angin tentang keadaan kesihatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sambil menyatakan bahawa Perdana Menteri kini sihat dan sedang bercuti di luar negara.

"Saya sering berhubungannya," kata Daim hari ini apabila ditanya pemberita mengenai perkara itu selepas merasmikan Persidangan Gabenor Bank Pusat Asia Tenggara di sini.

Katanya Dr Mahathir akan terbang ke London tidak lama lagi dan akan berada di Paris pada 29 Jan untuk menghadiri mesyuarat dengan Presiden Perancis Jacques Chirac.

Dr Mahathir dijangka berada di kota London lewat hari ini selepas bercuti di Argentina dan Kepulauan Caribbean.

Daim berkata khabar-khabar again timbul kerana sesetengah orang mengada-adakan cerita lebih-lebih lagi ekonomi dan pasaran Malaysia sedang pulih.

Semalam di Kota Kinabalu, Abdullah menangkis desas-desus yang kononnya Perdana Menteri jatuh sakit, dan kononnya beliau terjatuh daripada menunggang kuda di Argentina adalah bohong semata-mata.

Desas-desus itu telah menyebabkan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh 11.11 mata kepada 940.95 tetapi pasaran saham itu dibuka tinggi hari ini apabila indeks berkenaan dibuka pada 947.53 atas kegiatan pengambilan untung.

Menteri kewangan itu juga berkata Dr Mahathir akan mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Putrajaya Rabu depan.

-- BERNAMA

AD SHY MA